



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	18/12/2019	MUKA SURAT	: 8
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

**RINGKAS**

**Waspada gajah, buaya sesat**

**Johor Bahru:** Mangsa banjir dinasihatkan berhati-hati berikutan haiwan liar terutama buaya dan gajah liar dikhuatiri tersesat akibat banjir.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Johor, Salman Saaban berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan buaya tembaga tersesat dari sungai berdekatan akibat banjir besar.

Selain itu, katanya, mangsa di daerah Kota Tinggi dan Mersing dinasihatkan berhati-hati kerana kawasan itu didiami kumpulan gajah liar di hutan simpan.

"Disebabkan banjir, tidak mustahil gajah keluar mencari makanan di kawasan lain," katanya.